

Headline	Keasyikan bermain layang-layang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	15 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	26	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	838 cm <sup>2</sup>
Journalist	MOHD. NAIM FIRDAUS AZIZ	AdValue	RM 21,831
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,493



PERGERAKAN warna seirama ketika layang-layang ditiup angin.

PENIAGA mempamerkan layang-layang untuk dijual.



LAYANG-LAYANG berbentuk burung helang turut menjadi perhatian pengunjung.

LAYANG-LAYANG bersaiz kecil yang mudah dilipat untuk disimpan.



TALI jenis nylon dan peralatan tambahan bagi layang-layang yang bersaiz besar.

# Keasyikan bermain layang-layang

detik  
Teks dan foto:  
MOHD. NAIM  
FIRDAUS AZIZ

Layang-layang pelbagai bentuk, saiz dan warna boleh didapati di taman rekreasi berhampiran susur masuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Kuala Lumpur.

**T**AMAN Metropolitan Kepong tidak asing lagi untuk orang awam beriadah mahupun bersantai pada hujung minggu bersama keluarga. Ia terletak di pinggir Kuala Lumpur berhampiran susur masuk ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang dahulunya sebuah bekas lombong terbiar. Taman yang seluas 90 hektar itu merupakan antara taman rekreasi terbesar di Kuala Lumpur.

Tarikan utama di taman awam ini ialah sebuah padang khusus untuk aktiviti bermain layang-layang. Layang-layang pelbagai bentuk, saiz dan warna dijual oleh peniaga di sekitar taman ini. Ada yang berbentuk burung, kapal terbang dan ular. Layang-layang dijual pada harga bermula RM10 sehingga mencecah ratusan ringgit bergantung pada saiz dan material yang digunakan. Kebiasaannya, layang-

layang diperbuat daripada material kain payung supaya ia tidak mudah koyak dan ringan, sekali gus mudah dinaikkan ke udara. Tali daripada jenis nylon digunakan agar tidak mudah putus sewaktu layang-layang berada di udara. Menjadikan hujung minggu dengan aktiviti bermain layang-layang di padang khas pasti dapat memberi pengalaman berharga terutama bagi mereka yang kali pertama mencubanya.

WAU bulan buatan sendiri turut dibawa pengunjung untuk bermain di padang khas ini.